



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 521

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

Sebagaimana pada 1 Julai 2023

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
2023

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

Tarikh Perkenan Diraja 24 Jun 1994

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 7 Julai 1994

Kali terakhir dipinda oleh
Akta A1538 yang mula
berkuat kuasa pada 1 Januari 2018

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2008

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 521

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Akta hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan, dsb.

BAHAGIAN IA

PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN

- 3A. Perintah perlindungan kecemasan
- 3B. Penyampaian perintah perlindungan kecemasan
- 3C. Penyampaian ganti bagi perintah perlindungan kecemasan
- 3D. Bukti penyampaian perintah perlindungan kecemasan
- 3E. Pelanggaran perintah perlindungan kecemasan
- 3F. Rekod permohonan dan perintah perlindungan kecemasan

BAHAGIAN II

PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM DAN PERINTAH PERLINDUNGAN

4. Perintah perlindungan interim
5. Perintah perlindungan
6. Perintah yang boleh dimasukkan dalam perintah perlindungan

Seksyen

7. Kuasa penangkapan
8. Pelanggaran perintah perlindungan
9. Pembuatan atau pembaharuan perintah apabila perintah perlindungan dilanggar

BAHAGIAN III**PAMPASAN DAN PROGRAM PEMULIHAN**

10. Pampasan
11. Program pemulihan, dsb.

BAHAGIAN IV**TATACARA MENGENAI PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM DAN PERINTAH PERLINDUNGAN**

12. Bila perintah perlindungan interim boleh diminta
- 12A. Permohonan *ex parte* bagi perintah perlindungan interim
- 12B. Pengetepian perintah perlindungan interim
13. Bila perintah perlindungan boleh diminta
- 13A. Permohonan bagi perintah perlindungan
14. Pemfailan permohonan
15. Permohonan bagi pihak kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan
16. Rekod permohonan dan perintah
17. Bukti penyampaian perintah perlindungan
- 17A. Penyampaian ganti

BAHAGIAN V**PELBAGAI**

18. Maklumat mengenai kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga
- 18A. Kesalahan boleh tangkap
19. Kewajipan pegawai penguat kuasa
20. Peraturan-peraturan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 521

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara yang bersampingan dengannya.

[*I Jun 1996, P.U. (B) 226/1996*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai bagi semua orang di dalam Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anggota lain keluarga” ertinya—

- (a) (i) anak lelaki atau anak perempuan dewasa; atau
- (ii) ibu atau bapa,
- pesalah itu; atau

(b) (i) abang, kakak atau adik; atau

(ii) mana-mana saudara lain,

pesalah itu yang pada pendapat mahkamah patut, dalam hal keadaan keluarga itu, dikira sebagai seorang anggota keluarga itu;

“isteri atau suami” termasuk isteri atau suami *de facto*, iaitu, seseorang yang telah melalui suatu bentuk istiadat yang diiktiraf sebagai istiadat perkahwinan mengikut agama atau adat pihak yang berkenaan, walaupun istiadat itu tidak didaftarkan atau tidak dapat didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan upacara dan pendaftaran perkahwinan;

“kanak-kanak” ertinya seseorang yang berumur di bawah lapan belas tahun yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga pesalah atau keluarga isteri atau suami atau bekas isteri atau bekas suami pesalah, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“kediaman alternatif” ertinya premis atau tempat tinggal yang mangsa itu terpaksa atau telah terpaksa mencari atau pindah masuk akibat daripada keganasan rumah tangga;

“kediaman bersama” ertinya premis di mana pihak itu sedang atau telah tinggal bersama sebagai anggota rumah tangga yang sama;

“keganasan rumah tangga” ertinya pelakuan satu perbuatan atau lebih yang berikut:

(a) dengan sengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;

(b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan apa-apa perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;

(c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual atau selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;

- (d) mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu;
- (e) melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan pada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan distres atau kegusaran kepada mangsa itu;
- (ea) dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami distres kerana kerugian kewangan;
- (eb) mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, takut akan keselamatan pihak ketiga, atau mengalami distres;
- (ec) berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau selainnya;
- (f) menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
- (g) menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau
- (h) dalam hal jika mangsa ialah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa itu mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain,

oleh seseorang, sama ada dengan sendiri atau melalui pihak ketiga, terhadap—

- (i) isteri atau suaminya;
- (ii) bekas isteri atau bekas suaminya;

- (iii) kanak-kanak;
- (iv) orang dewasa tidak berkeupayaan; atau
- (v) mana-mana anggota lain keluarga;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan termasuklah Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi setiap Negeri;

“mahkamah” ertinya—

- (a) berkenaan dengan prosiding jenayah yang melibatkan pengataan keganasan rumah tangga, mahkamah yang berwibawa untuk membicarakan kesalahan sebenar yang atasnya tertuduh itu dipertuduh;
- (b) berkenaan dengan prosiding sivil bagi pampasan di bawah seksyen 10, mahkamah yang berwibawa untuk mendengar tuntutan itu secara tort;

“mangsa” ertinya seseorang mangsa keganasan rumah tangga;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kebajikan masyarakat;

“orang dewasa tidak berkeupayaan” ertinya seseorang yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya tidak berkeupayaan atau lemah, oleh sebab kehilangupayaan fizikal atau mental secara kekal atau sementara atau tidak sihat atau usia tua, yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga orang yang dikatakan telah melakukan keganasan rumah tangga itu, dan termasuklah mana-mana orang yang telah dikurung atau ditahan oleh orang yang dikatakan telah melakukan keganasan rumah tangga itu;

“orang dilindungi” ertinya seseorang yang dilindungi di bawah suatu perintah perlindungan;

“pegawai kebajikan masyarakat” ertinya seseorang pegawai kebajikan masyarakat Kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan dan termasuklah seseorang penolong pegawai kebajikan masyarakat;

“pegawai penguat kuasa” ertinya seseorang pegawai polis atau pegawai kebajikan masyarakat;

“pegawai polis” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Polis 1967 [Akta 344];

“perintah perlindungan” ertinya perintah yang dikeluarkan di bawah seksyen 5;

“perintah perlindungan interim” ertinya perintah yang dikeluarkan di bawah seksyen 4;

“perintah perlindungan kecemasan” ertinya perintah yang dikeluarkan di bawah seksyen 3A;

“saudara” ertinya seseorang yang mempunyai hubungan persaudaraan melalui pertalian darah seibu sebaپ atau pertalian darah seibu atau sebaپ, atau melalui perkahwinan atau pengangkatan, termasuk pengangkatan *de facto*;

“tempat berlindung” ertinya mana-mana rumah, institusi atau mana-mana tempat lain yang sesuai yang penghuni atau pemunyanya bersedia untuk menerima seseorang mangsa buat sementara waktu;

“tempat selamat” ertinya mana-mana rumah atau institusi yang disenggarakan atau diuruskan oleh Kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan atau oleh mana-mana agensi lain atau organisasi sukarela yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud Akta ini.

Akta hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan, dsb.

3. Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan [Akta 574] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan kesalahan yang berhubungan dengan keganasan rumah tangga.

BAHAGIAN IA

PERINTAH PERLINDUNGAN KECEMASAN

Perintah perlindungan kecemasan

3A. (1) Pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa secara bertulis dengan sewajarnya oleh Ketua Pengarah boleh, dalam suatu permohonan melibatkan suatu aduan keganasan rumah tangga yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) takrif “keganasan rumah tangga” di bawah seksyen 2, mengeluarkan suatu perintah perlindungan kecemasan.

(2) Suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan boleh dibuat pada bila-bila masa sama ada atau tidak suatu perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan telah dibuat sebelum itu atau permohonan bagi perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan masih belum selesai.

(3) Suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan hendaklah dibuat secara *ex parte* oleh—

(a) mangsa itu;

(b) peguam mangsa itu; atau

(c) dalam hal jika mangsa itu ialah seorang kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan, penjaga, saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan itu, atau seorang pegawai kebajikan masyarakat selain pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa.

(4) Suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan boleh dibuat di mana-mana daerah yang—

(a) mangsa itu tinggal;

(b) orang yang terhadapnya perlindungan itu diminta tinggal;

(c) keganasan rumah tangga yang dikatakan itu berlaku; atau

(d) mangsa itu ditempatkan buat sementara waktu.

(5) Apabila permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan diterima, permohonan itu hendaklah didengar oleh pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa dengan serta-merta dan pengeluaran perintah perlindungan kecemasan, jika ada, hendaklah dibuat, jika dapat dilaksanakan, dalam masa dua jam selepas permohonan itu dibuat.

(6) Bagi maksud suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan kecemasan, laporan polis yang berhubungan dengan keganasan rumah tangga itu tidak dikehendaki.

(7) Pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa, dalam membuat perintah perlindungan kecemasan di bawah subseksyen (1), boleh mengeluarkan satu perintah atau lebih yang berikut:

- (a) menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) takrif "keganasan rumah tangga" di bawah seksyen 2 terhadap isteri atau suaminya atau bekas isteri atau bekas suaminya, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) melarang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga yang disebut dalam perenggan (a) atau (b) takrif "keganasan rumah tangga" di bawah seksyen 2 terhadap isteri atau suaminya atau bekas isteri atau bekas suaminya, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
- (c) melarang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman, kediaman bersama atau kediaman alternatif mana-mana orang dilindungi, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(8) Suatu perintah perlindungan kecemasan hendaklah sah selama tempoh tujuh hari dari tarikh pengeluaran perintah itu, dan berkuat kuasa apabila suatu salinan perintah itu disampaikan kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat mengikut seksyen 3B.

(9) Perintah perlindungan kecemasan yang dikeluarkan tidak terjejas dengan pengeluaran suatu perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan.

Penyampaian perintah perlindungan kecemasan

3B. (1) Pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa yang mengeluarkan perintah perlindungan kecemasan di bawah subseksyen 3A(1) hendaklah mengemukakan suatu salinan perintah itu, jika dapat dilaksanakan dalam masa sepuluh jam selepas perintah perlindungan kecemasan itu dikeluarkan, kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis di mana orang yang terhadapnya perintah itu dibuat tinggal atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya.

(2) Pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis itu atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyampaikan secara ke diri salinan perintah perlindungan kecemasan itu kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, jika dapat dilaksanakan, dalam masa dua belas jam selepas salinan perintah itu diterima.

Penyampaian ganti bagi perintah perlindungan kecemasan

3C. Jika pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut dalam subseksyen 3B(1) tidak dapat menyampaikan salinan perintah perlindungan kecemasan itu kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat secara ke diri dalam masa dua belas jam selepas salinan perintah itu diterima, penyampaian perintah perlindungan kecemasan itu hendaklah dilaksanakan—

- (a) dengan meninggalkan suatu salinan perintah itu di alamat yang terakhir diketahui bagi orang yang terhadapnya perintah itu dibuat; atau
- (b) dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa.

Bukti penyampaian perintah perlindungan kecemasan

3d. Pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut dalam subseksyen 3B(1) hendaklah memfailkan bukti penyampaian salinan perintah perlindungan kecemasan yang dilaksanakan di bawah seksyen 3B atau 3C dengan pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa, dan memaklumkan penyampaian yang telah dilaksanakan itu kepada mangsa, dalam masa dua belas jam selepas penyampaian itu.

Pelanggaran perintah perlindungan kecemasan

3e. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja melanggar suatu perintah perlindungan kecemasan atau mana-mana peruntukan perintah itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang dengan sengaja melanggar suatu perintah perlindungan kecemasan dengan menggunakan keganasan ke atas orang dilindungi melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang disabitkan atas pelanggaran kali kedua atau berikutnya sesuatu perintah perlindungan kecemasan di bawah subseksyen (2) hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh puluh dua jam dan tidak lebih daripada dua tahun, dan boleh juga didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Rekod permohonan dan perintah perlindungan kecemasan

3f. (1) Pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa hendaklah menyenggarakan suatu rekod mengenai segala permohonan bagi perintah perlindungan kecemasan dan perintah perlindungan kecemasan yang dikeluarkan oleh pegawai kebajikan masyarakat yang diberi kuasa itu di bawah Akta ini.

- (2) Rekod itu hendaklah mengandungi—
- (a) nama, jantina dan perhubungan pihak itu;
 - (b) keganasan rumah tangga yang dikatakan, sama ada ia melibatkan apa-apa senjata, atau mengakibatkan kecederaan diri dan sama ada kecederaan yang diakibatkan itu memerlukan rawatan perubatan; dan
 - (c) tarikh kuat kuasa dan terma setiap perintah yang dikeluarkan.

BAHAGIAN II

PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM DAN PERINTAH PERLINDUNGAN

Perintah perlindungan interim

4. (1) Mahkamah boleh, sementara menunggu penyiasatan yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga, mengeluarkan perintah perlindungan interim yang menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap isteri atau suaminya atau bekas isteri atau bekas suaminya atau kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Suatu perintah perlindungan interim hendaklah dibuat melalui suatu permohonan kepada mahkamah.

(3) Mahkamah dalam membuat suatu perintah perlindungan interim di bawah subseksyen (1) boleh memasukkan peruntukan yang melarang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap isteri atau suami atau bekas isteri atau bekas suami atau kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3A) Suatu perintah perlindungan interim yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) boleh, jika mahkamah berpuas hati bahawa adalah perlu bagi perlindungan dan keselamatan diri isteri atau suami atau bekas isteri atau bekas suami, kanak-kanak, orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengadakan peruntukan bagi mana-mana satu perintah atau lebih yang dinyatakan dalam perenggan 6(1)(a) hingga (f).

(3B) Bagi maksud membuat perintah di bawah subseksyen (3A), peruntukan dalam subseksyen 6(3), (4) dan (5) hendaklah terpakai.

(3C) Perintah yang diperuntukkan di bawah subseksyen (3A) hendaklah mempunyai kuat kuasa selama tempoh perintah perlindungan interim itu.

(4) Suatu perintah perlindungan interim hendaklah terhenti berkuat kuasa—

- (a) apabila orang dilindungi dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis tentang penyiasatan yang telah selesai dan bahawa tiada tindakan selanjutnya akan diambil terhadap orang yang terhadapnya perintah itu dibuat;
- (b) apabila prosiding jenayah dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah itu dibuat jika, apabila dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis bahawa prosiding jenayah yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga akan dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, tiada permohonan bagi perintah perlindungan dibuat oleh orang dilindungi dalam masa tujuh hari selepas dimaklumkan sedemikian; atau
- (c) apabila permohonan bagi perintah perlindungan ditentukan oleh mahkamah jika, apabila dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis bahawa prosiding jenayah yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga akan dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, permohonan bagi perintah perlindungan dibuat oleh orang dilindungi dalam masa tujuh hari selepas dimaklumkan sedemikian.

Perintah perlindungan

5. (1) Mahkamah boleh, dalam sesuatu permohonan yang melibatkan aduan keganasan rumah tangga, mengeluarkan mana-mana satu perintah perlindungan atau lebih yang berikut:

- (a) perintah perlindungan yang menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap mangsa itu;
- (b) perintah perlindungan yang menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap kanak-kanak itu;
- (c) perintah perlindungan yang menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap orang dewasa tidak berkeupayaan itu.

(2) Mahkamah dalam membuat suatu perintah perlindungan di bawah perenggan (1)(a), (b) atau (c) boleh memasukkan peruntukan yang melarang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap orang dilindungi itu.

Perintah yang boleh dimasukkan dalam perintah perlindungan

6. (1) Sesuatu perintah perlindungan yang dikeluarkan di bawah seksyen 5 boleh, jika mahkamah berpuas hati atas imbalan kebarangkalian bahawa adalah perlu bagi perlindungan dan keselamatan diri mangsa atau kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengadakan peruntukan bagi mana-mana satu perintah atau lebih yang berikut:

- (a) tertakluk pada subseksyen (4), pemberian hak penghunian eksklusif kepada mana-mana orang dilindungi itu di kediaman bersama dengan mengeluarkan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada kediaman bersama itu, tidak kira sama ada kediaman bersama itu pada keseluruhannya dippunyai atau disewa oleh orang yang terhadapnya perintah itu dibuat atau dippunyai atau disewa bersama oleh pihak-pihak itu;

- (b) melarang atau menyekat orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada—
- (i) memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman atau kediaman bersama atau kediaman alternatif, mengikut mana-mana yang berkenaan, mana-mana orang dilindungi;
 - (ii) memasuki tempat kerja atau sekolah mana-mana orang dilindungi;
 - (iii) memasuki mana-mana institusi lain yang mana-mana orang dilindungi ditempatkan;
 - (iv) menghampiri mana-mana orang dilindungi pada jarak sekurang-kurangnya lima puluh meter atau pada jarak yang difikirkan munasabah oleh mahkamah; atau
 - (v) membuat hubungan diri dengan mana-mana orang dilindungi selain dengan kehadiran seorang pegawai penguat kuasa atau mana-mana orang lain yang dinyatakan atau diperihalkan dalam perintah itu;
- (c) menghendaki orang yang terhadapnya perintah itu dibuat untuk memberikan mana-mana orang dilindungi memasuki kediaman bersama, atau untuk memasuki kediaman orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, dengan ditemani oleh mana-mana pegawai penguat kuasa bagi maksud mengambil barang-barang peribadi orang dilindungi itu;
- (d) menghendaki orang yang terhadapnya perintah itu dibuat untuk mengelakkan daripada membuat perhubungan melalui apa jua cara dengan mana-mana orang dilindungi dan menyatakan hal keadaan terhad yang perhubungan sedemikian dibenarkan;

- (e) menghendaki orang yang terhadapnya perintah itu dibuat untuk membenarkan mana-mana orang dilindungi untuk terus menggunakan sesuatu kenderaan yang sebelum itu biasanya digunakan oleh orang dilindungi itu; dan
- (f) pemberian apa-apa arahan sebagaimana yang perlu dan bersampingan bagi pelaksanaan wajar mana-mana perintah yang dibuat di bawah mana-mana perenggan yang tersebut di atas.

(1A) Bagi maksud subseksyen (1), perintah yang diperuntukkan dalam perintah perlindungan itu hendaklah berkuat kuasa selama apa-apa tempoh tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa perintah itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah perlindungan itu.

(2) Mana-mana satu perintah atau lebih di bawah subseksyen (1) boleh—

- (a) dibuat atau dibuat baharu, atas pelanggaran perintah perlindungan, mengikut seksyen 9; atau
- (b) dilanjutkan selama suatu tempoh selanjutnya, tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh habis tempoh perintah asalnya, jika mahkamah berpuas hati bahawa, walaupun tiada berlakunya pelanggaran sebenar perintah itu, pelanjutan itu perlu bagi perlindungan dan keselamatan diri orang dilindungi itu:

Dengan syarat bahawa pelanjutan sesuatu perintah di bawah perenggan ini tidak boleh dibuat lebih daripada sekali.

(3) Kecuali setakat yang penjalanan, oleh orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, hak untuk menghuni kediaman bersama, atau untuk memasuki kediaman alternatif, digantung atau dihadkan, atau dilarang atau disekat, menurut kuasa suatu perintah di bawah perenggan (1)(a) atau (b), perintah itu tidak menyentuh apa-apa hak milik atau kepentingan yang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat atau mana-mana orang lain mungkin ada dalam premis itu.

(4) Mahkamah tidak boleh membuat suatu perintah yang mengeluarkan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada keseluruhan kediaman bersama yang dipunyai atau disewa pada keseluruhannya olehnya, atau bersesama olehnya, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa tidak ada cara lain untuk menjamin keselamatan diri mana-mana orang dilindungi itu pada masa itu, dan perintah sedemikian, jika dibuat, hendaklah, dalam hal yang kediaman bersama itu dipunyai atau disewa pada keseluruhannya oleh orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, atau bolehlah, dalam hal yang kediaman bersama itu dipunyai atau disewa bersesama oleh pihak-pihak itu—

- (a) dibatalkan jika suatu kediaman alternatif yang sesuai didapati bagi orang dilindungi itu; atau
- (b) dibatalkan atau diubahsuai apabila mahkamah selainnya berpuas hati bahawa ia tidak lagi perlu bagi menjamin keselamatan diri orang dilindungi itu.

(5) Dalam perenggan (4)(b), “diubahsuai” ertinya mengubahsuai sesuatu perintah yang mengeluarkan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada keseluruhan kediaman bersama itu kepada suatu perintah yang mengeluarkannya daripada sesuatu bahagian kediaman bersama itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Kuasa penangkapan

7. (1) Jika mahkamah berpuas hati bahawa orang yang terhadapnya perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim dibuat berkemungkinan akan menyebabkan kecederaan fizikal sebenar kepada orang dilindungi, mahkamah hendaklah menyertakan suatu kuasa penangkapan pada perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika suatu kuasa menangkap disertakan menurut kuasa subseksyen (1), seseorang pegawai polis hendaklah menangkap tanpa waran orang yang terhadapnya perintah itu dibuat apabila berlaku satu keadaan atau lebih yang berikut:

- (a) apabila terdapat suatu laporan keganasan rumah tangga dibuat oleh orang yang dilindungi di bawah perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan kepada mana-mana pegawai polis;

- (b) apabila pegawai polis itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang yang terhadapnya perintah itu dibuat telah melanggar—
 - (i) perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 4(1) atau 5(1); atau
 - (ii) mana-mana perintah yang dibuat menurut perenggan 6(1)(a) atau (b); atau
- (c) apabila orang yang terhadapnya perintah itu dibuat memasuki mana-mana tempat yang dilarang di bawah perintah itu.

(3) Jika suatu kuasa menangkap disertakan pada perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim dan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat ditangkap di bawah subseksyen (2)—

- (a) dia hendaklah dibawa ke hadapan seorang hakim dalam masa dua puluh empat jam dari masa dia ditangkap; dan
- (b) dia tidak boleh dilepaskan dalam tempoh itu kecuali atas arahan hakim,

tetapi tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh membenarkannya terus ditahan di bawah subseksyen ini selepas habis tempoh itu.

(4) Dalam seksyen ini, “hakim” termasuklah Majistret.

Pelanggaran perintah perlindungan

8. (1) Mana-mana orang yang dengan sengaja melanggar suatu perintah perlindungan atau mana-mana peruntukannya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang dengan sengaja melanggar suatu perintah perlindungan dengan menggunakan keganasan ke atas orang dilindungi boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang disabitkan atas pelanggaran kali kedua atau berikutnya sesuatu perintah perlindungan di bawah subseksyen (2) hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada tujuh puluh dua jam dan tidak lebih daripada dua tahun, dan boleh juga didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “perintah perlindungan” termasuklah perintah perlindungan interim.

Pembuatan atau pembaharuan perintah apabila perintah perlindungan dilanggar

9. Jika seseorang yang terhadapnya suatu perintah perlindungan telah dibuat melanggar perintah perlindungan itu, mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada mana-mana penalti yang diperuntukkan di bawah seksyen 8, membuat atau membuat baharu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mana-mana satu perintah atau lebih di bawah subseksyen 6(1) untuk mula berkuat kuasa dari apa-apa tarikh yang dinyatakan dalam perintah baharu itu.

BAHAGIAN III

PAMPASAN DAN PROGRAM PEMULIHAN

Pampasan

10. (1) Jika seseorang mangsa keganasan rumah tangga mengalami kecederaan diri atau kerosakan kepada harta atau kerugian kewangan akibat daripada keganasan rumah tangga itu, mahkamah yang mendengar tuntutan bagi pampasan boleh mengawardkan apa-apa pampasan berkenaan dengan kecederaan atau kerosakan atau kerugian itu sebagaimana yang difikirkannya adil dan munasabah.

(2) Mahkamah yang mendengar tuntutan bagi pampasan itu boleh mengambil kira—

- (a) kesakitan dan penderitaan mangsa itu, dan jenis dan takat kecederaan fizikal atau penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi yang dialami;
- (b) kos rawatan perubatan bagi kecederaan itu;

- (c) apa-apa kehilangan pendapatan yang berbangkit daripadanya;
 - (d) amaun atau nilai harta yang diambil atau dimusnahkan atau dirosakkan;
 - (e) perbelanjaan perlu dan munasabah yang ditanggung oleh atau bagi pihak mangsa apabila mangsa itu terpaksa berpisah atau dipisahkan daripada defendan oleh sebab keganasan rumah tangga itu, seperti—
 - (i) perbelanjaan penginapan yang disumbangkan kepada tempat selamat atau tempat berlindung;
 - (ii) perbelanjaan pengangkutan dan pemindahan;
 - (iii) perbelanjaan yang dikehendaki dalam menubuhkan suatu rumah tangga berasingan yang, tertakluk pada subseksyen (3), boleh termasuk amaun yang merupakan pembayaran pinjaman perumahan atau bayaran sewa atau sebahagian daripadanya, berkenaan dengan kediaman bersama atau kediaman alternatif, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan adil dan semunasabahnya perlu oleh mahkamah.
- (3) Dalam menimbangkan apa-apa perbelanjaan perlu dan munasabah yang boleh diambil kira di bawah subperenggan (2)(e)(iii), mahkamah boleh juga mengambil kira—
- (a) kedudukan kewangan mangsa itu serta juga defendan itu;
 - (b) perhubungan yang wujud antara pihak-pihak itu dan kemunasabahan untuk menghendaki defendan itu membuat atau menyumbangkan pembayaran sedemikian;
 - (c) kemungkinan prosiding lain diambil antara pihak-pihak itu dan perkara itu lebih sesuai diperlakukan di bawah undang-undang relevan yang berhubungan dengan peruntukan kewangan bagi isteri atau suami atau bekas isteri atau bekas suami dan orang tanggungan lain.

Program pemulihan, dsb.

11. (1) Mahkamah boleh, dalam suatu permohonan yang suatu perintah perlindungan diminta, sebagai tambahan kepada pengeluaran suatu perintah perlindungan, membuat suatu perintah bahawa satu pihak atau lebih kepada pertikaian itu dirujuk kepada suatu program pemulihan, dengan syarat bahawa suatu perintah untuk merujuk mangsa kepada suatu program pemulihan hendaklah dibuat hanya dengan persetujuan mangsa itu.

(1A) (*Dipotong oleh Akta A1538*).

(1B) (*Dipotong oleh Akta A1538*).

(2) Mahkamah yang mendengar suatu tuntutan bagi pampasan di bawah seksyen 10 boleh juga membuat perintah di bawah subseksyen (1).

(3) Apabila menimbangkan apa-apa persoalan yang berhubungan dengan pembuatan sesuatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh, apabila ia dapat dilaksanakan, mengambil nasihat seseorang pegawai kebajikan masyarakat atau mana-mana orang lain yang terlatih atau berpengalaman.

(4) Dalam seksyen ini, “program pemulihan” ertiinya program yang disediakan oleh Kementerian yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan bagi maksud pembangunan keluarga dan masyarakat.

BAHAGIAN IV**TATACARA MENGENAI PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM
DAN PERINTAH PERLINDUNGAN****Bila perintah perlindungan interim boleh diminta**

12. Suatu perintah perlindungan interim boleh diminta sementara menunggu penyiasatan oleh pihak polis berikutan maklumat yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga.

Permohonan *ex parte* bagi perintah perlindungan interim

12A. Suatu perintah perlindungan interim yang diminta di bawah seksyen 12 hendaklah dibuat secara *ex parte* oleh—

- (a) mangsa;
- (b) peguam mangsa itu; atau
- (c) seorang pegawai kebajikan masyarakat bagi pihak mangsa itu.

Pengetepian perintah perlindungan interim

12B. Orang yang terhadapnya perintah perlindungan interim itu dibuat boleh memohon untuk mengetepikan perintah itu dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah itu disampaikan.

Bila perintah perlindungan boleh diminta

13. (1) Suatu perintah perlindungan boleh diminta—

- (a) dalam masa tujuh hari selepas mangsa dimaklumkan secara bertulis oleh pegawai polis di bawah perenggan 4(4)(b) bahawa prosiding jenayah yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga akan dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah itu dibuat; atau
- (b) pada mana-mana peringkat prosiding jenayah di bawah Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang tertuduh itu dipertuduh atas suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga sama ada atau tidak suatu perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan kecemasan telah diminta dan dikeluarkan terhadap tertuduh.

(2) Suatu perintah perlindungan di bawah subseksyen (1) boleh diminta khususnya—

- (a) sebagai suatu syarat untuk melepaskan tertuduh dengan jaminan; atau
- (b) apabila kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dikompaun di bawah seksyen 260 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Permohonan bagi perintah perlindungan

13A. Suatu perintah perlindungan yang diminta di bawah seksyen 13 hendaklah dibuat oleh—

- (a) mangsa itu;
- (b) peguam mangsa itu;
- (c) seorang pegawai kebajikan masyarakat bagi pihak mangsa itu; atau
- (d) seorang pegawai polis bagi pihak mangsa itu.

Pemfailan permohonan

14. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis mengenai bidang kuasa wilayah mahkamah, suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim yang melibatkan aduan keganasan rumah tangga boleh difailkan di dalam mana-mana daerah di mana—

- (a) mangsa itu tinggal;
- (b) orang yang terhadapnya perlindungan yang diminta itu tinggal;
- (c) keganasan yang dikatakan itu berlaku; atau
- (d) mangsa itu ditempatkan buat sementara waktu,

dan permohonan itu hendaklah didengar oleh mahkamah secepat yang dapat dilaksanakan.

Permohonan bagi pihak kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan

15. Dalam hal seseorang kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan yang tidak berupaya memfailkan suatu permohonan di bawah seksyen 14, permohonan itu boleh difailkan oleh penjaga atau saudara atau orang yang bertanggungjawab bagi menjaga kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau oleh seorang pegawai penguat kuasa.

Rekod permohonan dan perintah

16. Pejabat pendaftaran mahkamah hendaklah menyenggarakan suatu rekod mengenai segala permohonan yang difailkan menurut Akta ini, dan segala perintah perlindungan dan perintah perlindungan interim yang dikeluarkan oleh mahkamah di bawah Akta ini. Rekod itu hendaklah mengandungi—

- (a) nama, jantina dan perhubungan pihak itu;
- (b) keganasan rumah tangga yang dikatakan, sama ada ia melibatkan apa-apa senjata, atau mengakibatkan kecederaan diri dan sama ada kecederaan yang diakibatkan itu memerlukan rawatan perubatan;
- (c) tarikh kuat kuasa dan terma setiap perintah yang dikeluarkan.

Bukti penyampaian perintah perlindungan

17. (1) Dalam masa dua puluh empat jam dari pengeluaran sesuatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim, mengikut mana-mana yang berkenaan, mahkamah yang mengeluarkan perintah itu hendaklah mengemukakan suatu salinan perintah itu kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis di mana pesalah itu tinggal atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya.

(2) Pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah memfaillkan bukti penyampaian perintah itu dengan mahkamah itu, dan memaklumkan penyampaian yang telah dilaksanakan itu kepada mangsa, dalam masa tujuh hari selepas penyampaiannya.

Penyampaian ganti

17A. (1) Jika pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut dalam seksyen 17 tidak dapat menyampaikan salinan perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim itu kepada pesalah itu sendiri selepas tiga kali cubaan, pegawai yang berkenaan hendaklah dengan serta-merta membuat permohonan secara bertulis kepada mahkamah bagi suatu perintah penyampaian ganti perintah itu.

(2) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, mahkamah hendaklah membuat suatu perintah bagi penyampaian ganti perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim itu—

- (a) dengan meninggalkan suatu salinan perintah itu di alamat pesalah itu yang terakhir diketahui;
- (b) dengan menampalkan suatu salinan perintah itu di papan notis mahkamah; atau
- (c) dengan apa-apa cara lain yang diarahkan oleh mahkamah.

(3) Penyampaian ganti salinan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah dilaksanakan oleh mahkamah dan hendaklah disifatkan sebagai penyampaian perintah itu yang baik dan mencukupi kepada pesalah itu.

(4) Penyampaian ganti yang dilaksanakan di bawah subseksyen (3) hendaklah dimaklumkan kepada mangsa oleh mahkamah secepat yang dapat dilaksanakan.

BAHAGIAN V**PELBAGAI****Maklumat mengenai kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga**

18. (1) Mana-mana orang yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga sedang atau telah dilakukan boleh memberikan maklumat berkenaan dengannya kepada seorang pegawai penguat kuasa.

(2) Tiada seorang pun yang memberikan apa-apa maklumat sedemikian dengan suci hati boleh menanggung apa-apa liabiliti kerana fitnah atau selainnya berkenaan dengan pemberian maklumat itu.

Kesalahan boleh tangkap

18A. Kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga hendaklah disifatkan sebagai kesalahan boleh tangkap.

Kewajipan pegawai penguat kuasa

19. (1) Kewajipan seseorang pegawai penguat kuasa hendaklah termasuk—

- (a) membantu seseorang mangsa keganasan rumah tangga untuk memfailkan suatu permohonan bagi perintah perlindungan interim berkenaan dengan keganasan rumah tangga itu;
- (b) mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa itu ke kediaman alternatif atau tempat selamat atau tempat berlindung jika pengangkutan sedemikian diperlukan;
- (c) mengadakan atau mengaturkan pengangkutan bagi mangsa itu ke hospital atau tempat kemudahan perubatan yang terdekat bagi rawatan kecederaan jika rawatan itu diperlukan;

(d) menjelaskan kepada mangsa itu hak untuk mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumah tangga;

(e) menemankan mangsa ke kediaman mangsa itu atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang peribadi.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang juga merupakan seorang pegawai polis hendaklah mempunyai kewajipan tambahan yang berikut:

(a) menjalankan kuasa penangkapan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain;

(b) mengeluarkan atau mengawasi pengeluaran seseorang yang dikeluarkan daripada kediaman bersama jika mahkamah telah mengeluarkan suatu perintah di bawah perenggan 6(1)(a);

(c) memaklumkan mangsa mengenai status penyiasatan yang berhubungan dengan kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga; dan

(d) memaklumkan mangsa mengenai status permohonan bagi suatu perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan, termasuk penyampaian bagi perintah itu, dan tarikh mahkamah yang berkaitan yang berhubungan dengan permohonan itu.

Peraturan-peraturan

20. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh mengadakan peruntukan bagi—

(a) penyenggaraan suatu daftar atau rekod oleh mahkamah mengenai perkara yang difailkan menurut Akta ini;

(b) borang ditetapkan bagi apa-apa maklumat, laporan, permohonan, perintah atau dokumen lain yang dikehendaki menurut Akta ini;

- (c) tatacara berkenaan dengan pemfailan apa-apa dokumen yang disebut dalam perenggan (b);
 - (d) pembuatan carian dan pemberian salinan terperaku bagi apa-apa dokumen yang disebut dalam perenggan (b);
 - (e) penetapan fi yang boleh dikenakan bagi maksud Akta ini;
 - (f) apa-apa perkara lain yang di bawah Akta ini dikehendaki atau dibenarkan supaya ditetapkan.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 521****AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1414	Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2012	20-02-2012
Akta A1538	Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017	01-01-2018

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 521

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
3	Akta A1414	20-02-2012
Bahagian IA	Akta A1538	01-01-2018
3A	Akta A1538	01-01-2018
3B	Akta A1538	01-01-2018
3C	Akta A1538	01-01-2018
3D	Akta A1538	01-01-2018
3E	Akta A1538	01-01-2018
3F	Akta A1538	01-01-2018
Bahagian II	Akta A1414	20-02-2012
4	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
5	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
6	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
7	Akta A1414	20-02-2012

Keganasan Rumah Tangga

33

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Bahagian III	Akta A1538	01-01-2018
10	Akta A1414	20-02-2012
11	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
12A	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
12B	Akta A1414	20-02-2012
13	Akta A1538	01-01-2018
13A	Akta A1538	01-01-2018
14	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
15	Akta A1414	20-02-2012
16	Akta A1414	20-02-2012
17	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
Bahagian IV	Akta A1414	20-02-2012
17A	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
18A	Akta A1414	20-02-2012
19	Akta A1414 Akta A1538	20-02-2012 01-01-2018
20	Akta A1414	20-02-2012